

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN - PAS]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 14)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah ada garis panduan berpakaian ahli sukan wanita Islam semasa menyertai pertandingan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah bekerjasama dengan Panel Kajian Syariah JAKIM untuk mengeluarkan satu garis panduan ibadah untuk atlet yang bertanding. Di dalam buku tersebut dimuatkan perbincangan bab akidah, bersuci, Solat Jamak & Qasar, puasa, aurat, makanan halal dan pergaulan. Pihak MSN juga menggalakkan atlet-atlet untuk memakai pakaian mengikut garis panduan yang ada khususnya mereka yang beragama Islam. Di samping itu pakaian atlet ketika bertanding juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau digunapakai oleh Persatuan Sukan Antarabangsa masing-masing.

Sekian, terima kasih.